

13 FEB 1998

Mahathir-MSK

SYARIKAT-SYARIKAT MSC DIJANGKAKAN DAPAT PULANGAN HASIL RM13 BILION

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang telah memohon status Koridor raya Multimedia (MSC) diunjurkan mendapat keseluruhan pulangan hasil berjumlah kira-kira RM13 bilion menjelang tahun kelima operasi mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Keuntungan yang dijangkakan bagi tempoh yang sama adalah hampir kepada RM5 bilion.

"Ini merupakan daripada pelaburan kira-kira RM4 bilion," katanya semasa merasmikan Persidangan Meja Bulat Ahli Ekonomi Dalam Bidang Elektronik di Asia di sini anjuran Economist Group London, pembekal maklumat bagi syarikat-syarikat yang menubuhkan dan menjalankan operasi di peringkat antarabangsa.

"Belum sampai setahun sejak kita melancarkan MSC, kita mula melihat nilai yang diwujudkan daripada perniagaan era maklumat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata perangkaan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengenai syarikat-syarikat berstatuskan MSC menunjukkan peningkatan pelaburan dalam kegiatan nilai tambahan yang tinggi dengan nisbah pulangan hasil kepada pelaburan kira-kira 3:1.

Sambil mengulangi bahawa MSC menunjukkan kemajuan lebih awal daripada yang dijadualkan, Dr Mahathir berkata sambutan terhadapnya melebihi daripada jangkakan kerajaan.

Katanya setakat ini, pentauliahkan status MSC telah diberikan kepada 110 syarikat, 78 daripadanya telahpun beroperasi.

Perdana Menteri berkata sejak April tahun lepas, 178 permohonan telah diterima untuk mendapatkan status MSC dengan 39 peratus permohonan daripada syarikat-syarikat asing, 35 peratus daripada syarikat-syarikat Malaysia dan 26 peratus usahasama syarikat Malaysia dan asing.

Dr Mahathir berkata sesetengah pengkritik telah menggelar MSC sebagai projek bercita-cita tinggi, yang mewah dan hebat.

"Saya mengakui ia merupakan satu projek bercita-cita tinggi tetapi bukan bagi kita rakyat Malaysia yang akan melaksanakannya sendiri. Kita sudah tentu akan mengambil bahagian secara aktif tetapi MSC adalah untuk seluruh dunia.

"Kita memikirkannya sebagai tempat ujian bagi semua untuk menggunakannya, sesiapa pun dari mana jua," kata Dr Mahathir mengenai MSC yang meliputi satu kawasan 750 km persegi selatan dari ibunegara.

Katanya kerajaan akan melaburkan kebanyakannya dalam infrastruktur bagi pusat teknologi tinggi itu. Tanah akan dibahagi-bahagikan dan dijual kepada pelabur yang berhasrat untuk mewujudkan kemudahan mereka.

"Memang diakui kita membelanjakan sejumlah wang, malah dalam jumlah yang agak besar juga, tetapi dalam anggaran kemampuan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata penurunan nilai ringgit telah menghakis keupayaan kerajaan "tetapi kita masih boleh teruskan."

"Oleh itu MSC akan diteruskan," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA
ES RON